

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERIDR SITI HASMAH BTE. HJ. MOHD ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS SUKAN WANITA JUITA  
DI JALAN MARIAMAH, JOHOR BAHRU  
PADA HARIKHAMIS, 20 MEI 1999  
JAM 4.15 PETANG

---

Alhamdulillah bersyukur kita semua ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya hadir bersama-sama tuan-puan pada petang yang berbahagia ini di dalam satu majlis khas sempena Perasmian Kompleks Sukan Wanita JUITA atau dengan nama lainnya "MUTIARA JUITA". Di sini saya suka mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak JUITA yang telah sudi mengundang saya untuk merasmikan Bangunan Kompleks Sukan yang akan menjadi kebanggaan Wanita di Negeri Johor ini.

2. Selaku Penasihat JUITA, saya sentiasa mengikuti perkembangan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Badan Amal ini. Melalui projek-projek penyayangannya yang lebih dikenali sebagai "JUITAKU SAYANG", saya dapati banyak projek amal yang telah dijalankan khususnya untuk kanak-kanak sebagai contoh pengwujudan satu pusat perlindungan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan yang saya difahamkan baru dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor ini adalah satu projek yang amat wajar diadakan. Di negara kita ini tiada banyak tempat atau mungkin tiada lagi tempat khusus bagi menempatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan. Saya percaya pusat ini selain daripada menjadi satu pusat yang berfungsi sebagai tempat perlindungan, juga mampu menjadi satu pusat pemulihan yang efektif bagi mangsa-mangsa yang memerlukan rawatan daripada segi fizikal ataupun mental.

3. Saya juga amat kagum JUITA dengan kerjasama kerajaan negeri dan pihak swasta mampu mengadakan satu kompleks penyayangannya sendiri. Ini jelas membayangkan kerjasama erat antara kerajaan, pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan yang mampu menjadi rakan bersama menabur bakti kepada masyarakat. Saya berasa amat bangga pada petang ini kerana saya dapat bersama menyempurnakan majlis perasmian satu komponen daripada kompleks penyayang JUITA di samping meninjau pembangunan yang telah dijalankan di kompleks penyayang ini.

4. Pengalaman gaya hidup sihat adalah satu perkara yang amat dititikberatkan hari ini. Aktiviti riadah dengan bersukan dan berekreasi dapat melahirkan minda yang sihat di samping membantu kita menjaga kesihatan badan. Aktiviti sebegini tidak harus tertumpu kepada golongan muda sahaja. Golongan warga tua juga digalakkan menjalankan aktiviti rekreasi dan bersukan agar waktu mereka yang banyak terluang dapat dimanfaatkan.

5. Sesungguhnya pengwujudan Kompleks Sukan Wanita JUITA ini adalah satu usaha yang dipuji kerana selain mengadakan kemudahan sukan khusus untuk wanita, golongan warga tua juga dapat bersama-sama menggunakan kelengkapan sukan dan riadah yang ada. Pendirian dewan badminton yang boleh memuatkan dua gelanggang ini juga adalah amat bertepatan pada waktunya. Bagi pihak JUITA untuk berlatih dan memperluaskan diri mereka dengan satu pasukan badminton yang mantap. Walaupun pada bulan Ogos ini Negeri Johor akan menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Badminton Piala Perdana yang mana Pasukan JUITA akan turut sertan namun usaha pengwujudan Dewan Badminton di Kompleks ini tidak harus dilihat sebagai memanfaatkan sesuatu Badan sahaja. Saya percaya kegunaan Dewan Badminton ini akan diperluaskan kepada semua pihak untuk kegunaan bersama.

6. Di kesempatan ini saya suka memberikan beberapa nasihat kepada ahli-ahli JUITA dan ahli-ahli Badan Bukan Kerajaan yang lainnya. Sebagai wanita-wanita yang menjadi isteri kepada wakil-wakil rakyat dan menjadi golongan yang sentiasa mendapat tumpuan, kita harus sedar akan tanggungjawab kita bagi terus memainkan peranan menabur bakti kepada masyarakat. Setiap perkara amal yang kita lakukan hendaklah secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan atau pengiktirafan yang berlebihan. Setiap projek amal yang diwujudkan tidak harus terhenti tatkala ia mula menunjukkan kesan dan ketika ia siap. Kita harus terus memainkan peranan untuk memastikan sesuatu perkara amal itu berjalan berterusan di samping memperbaiki segala kekurangan agar ia lebih mendatangkan kesan positif kepada masyarakat. Sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Badan Amal yang kita sertai hendaklah ada di dalam diri kita agar segala aspirasi dan objektif murni yang ditetapkan akan tercapai. Setiap ahli perlu bertanggungjawab untuk bersama-sama merancang dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan. Ini tidak sepatutnya bertumpu kepada segelintir ahli sahaja. Moga-moga kita semua berjaya hendaknya.

7. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya mengucapkan syabas kepada pihak JUITA di atas pencapaian mereka mewujudkan satu Kompleks Sukan Wanita JUITA atau dimashurkan dengan nama "MUTIARA JUITA" ini. Saya percaya Bangunan Kompleks Sukan Wanita dan Pusat Rekreasi warga tua ini akan berjaya memenuhi segala objektif ia ditubuhkan dan dapat memberi manfaat kepada semua. Saya akan sentiasa berdoa agar JUITA terus cemerlang di dalam menjalankan projek-projek amalnya yang dirancang.

8. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan segala sukacitanya merasmikan Bangunan Kompleks Sukan Wanita "MUTIARA JUITA" dan Pusat Rekreasi Wargatua.

\*\*\*\*\*